

Kembara Mahabbah ke bumi Korea

SERAMAI 22 penuntut tahun akhir Fakulti Sains dan Teknologi Usim, di bawah seliaan Dr Sakinah Ali Pitchay telah bermahabbah menyantuni masyarakat sekitar Seoul, Korea selama enam hari bermula 22 - 27 September 2015 yang lalu. Program bertemakan Kembara Mahabbah Ummah di bumi Seoul Korea, anjuran Global Islamic Students Outreach (GISO) Usim berpeluang mengunjungi dua universiti terkemuka di Korea.

Sepanjang mengikuti program



Delegasi GISO menimba banyak pengalaman berharga sepanjang kembara mereka ke Korea.

ini, peserta berpeluang bertutur menggunakan bahasa Melayu dengan siswa di sana. Di Universiti Hankuk misalnya, terdapat 30 penuntut tempatan Korea mampu bertutur dalam bahasa Melayu dan Indonesia dengan lancar ibarat berada di tanah air sendiri.

Kunjungan ke universiti paling berprestij di Korea iaitu Seoul National University (SNU) pula disambut dengan kata aluan bahasa Melayu yang dituturkan fasih oleh siswa SNU. Peserta juga berpeluang melawat sekitar universiti serta bertukar pendapat bersama Majlis Pimpinan Pelajar. Melihat rakyat Korea mampu bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu, ia

sekali gus membuktikan bahasa ibunda itu indah apabila dihayati dan dipelajari.

Pengarah program, Mudzfirah Abdul Halim berkata, pelbagai aktiviti dan pengisian ilmiah telah dijalankan bersama masyarakat Seoul, antaranya: Qurban Insaniah di Masjid Itaewon pada Hari Raya AidilAdha, *Wonder Korea* yang membawa misi menyebarkan dakwah Islamiyah di beberapa tempat menarik di Korea dan *Coffee House: AnyeongHaseyo* bersama pelajar tempatan di beberapa buah universiti terkemuka Korea.

Dalam pada itu, sedikit sumbangan turut dihulurkan sebagai kenangan kepada Masjid Itaewon. Sebanyak 30 naskah al-Quran, 20 naskah risalah bercetak dalam dwibahasa iaitu Inggeris dan bahasa Korea serta plak penghargaan telah disumbangkan.

Menurut Imam Besar masjid tersebut, sebagai negara antarabangsa yang sentiasa dikunjungi pelancong, mereka harus bersedia dan terbuka menerima Islam dengan menyediakan lebih banyak ruang solat.

Program pengantarabangsaan ini telah mewujudkan semangat kerjasama yang tinggi dalam kalangan peserta dan memberi peluang kepada mereka menimba sebanyak mungkin ilmu serta pengalaman yang belum pernah diperolehi di Malaysia.



Lawatan kebudayaan sekitar Seoul!